



HARI
MENABUNG
KEBANGSAAN
Generasi Celik Kewangan



SIARAN AKHBAR

JERAYAWARA HARI MENABUNG KEBANGSAAN 2017

Ma'had Islam Brunei, Tutong

Hari Khamis, 16 Rejab 1438 bersamaan dengan 13 April 2017

1. Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) dengan kerjasama Kementerian Pendidikan, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Radio Televisyen Brunei (RTB), Tabung Amanah Perkerja (TAP) serta institusi-institusi dan agensi-agensi berkenaan telah mengadakan jerayawara yang keempat bersempena dengan Hari Menabung Kebangsaan 2017 di Ma'had Islam Brunei, Tutong, pada hari Khamis, 16 Rejab 1438 bersamaan dengan 13 April 2017.
2. Hadir sebagai Tetamu Kehormat pada jerayawara tersebut ialah Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara iaitu Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong, Penghulu Mukim Tanjong Maya dan Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, Penghulu Mukim Telisai. Turut hadir pada jerayawara tersebut ialah pegawai-pegawai kanan AMBD serta pegawai-pegawai kanan daripada Kementerian Pendidikan, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Jabatan Daerah Tutong.
3. Dengan tema "*Generasi Celik Kewangan*", jerayawara ini diharap akan dapat meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan untuk menabung, pandai berdikari dari segi kewangan (*financial independence*) dan seterusnya untuk meningkatkan kesedaran para penuntut mengenai cara-cara untuk menangani isu-isu kewangan. Ini adalah selaras dengan usaha AMBD untuk membangunkan generasi yang celik kewangan dan juga matlamat Wawasan Brunei 2035 bagi Negara Brunei Darussalam untuk mempunyai ekonomi yang dinamik dan mampan, serta rakyat dan penduduk yang berkemahiran tinggi.
4. Sebanyak seratus (100) penuntut daripada sekolah-sekolah menengah di Daerah Tutong telah dijemput ke jerayawara ini, di mana para penuntut telah ikut serta dalam permainan-permainan dan aktiviti-aktiviti interaktif yang bertemakan pengurusan kewangan dan pengenalan matawang, dianjurkan oleh AMBD, TAP, Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB), Insurans TAIB dan Junior Achievement.
5. Jerayawara ini merupakan jerayawara keempat daripada siri jerayawara-jerayawara Hari Menabung Kebangsaan 2017, yang akan terus diadakan di Daerah Temburong pada hari Selasa, 21 Rejab 1438 bersamaan dengan 18 April 2017.
6. Di samping itu, acara-acara lain yang akan diadakan bersempena dengan Hari Menabung Kebangsaan 2017 adalah *Financial Fun Fair* di *Jerudong Park Colonnade* pada hari Ahad, 30 April 2017, dari jam 2 petang hingga 10 malam. Acara ini akan menampilkan pelbagai program keluarga dan aktiviti interaktif yang bertemakan pengurusan kewangan secara berhemat; dan *Financial Showcase* pada hari Sabtu, 20 Mei 2017 bermula jam 2 petang hingga 8 malam bertempat di *Airport Mall*.

7. Untuk maklumat lanjut mengenai Hari Menabung Kebangsaan 2017, orang ramai boleh melayari laman web AMBD di www.ambd.gov.bn/nsd2017; atau memuat turun AMBD App dari ‘App Store’ atau ‘Google Playstore’; atau mengikuti AMBD di Instagram melalui @autoriti_monetari.

Autoriti Monetari Brunei Darussalam

Tarikh: 16 Rejab 1438 / 13 April 2017
Rujukan: AMBD/COMMS/3